

BERITA IRM: THE PHILANTHROPIST

Buletin Islamic Relief Malaysia

[Edisi 3, JULAI - OKTOBER 2019]

PELARIAN ROHINGNYA TERIMA SUMBANGAN 45 RIBU TIN DAGING



Islamic Relief (IR) dengan kerjasama Qatar Charity telah menyumbangkan 45 ribu tin makanan berisi daging kambing kepada pelarian Rohingya di Malaysia bagi membantu meringankan beban mereka.

30 lokasi terlibat dalam sesi agihan dengan memfokuskan komuniti pelarian Rohingya yang tinggal di sekitar Lembah Klang, Kedah, Pulau Pinang dan Pahang.

Objektif program adalah untuk meraikan serta menzahirkan keprihatinan ramai pihak terhadap nasib yang melanda komuniti Rohingya di negara ini sekaligus membuktikan keberadaan mereka tidak pernah dipinggirkan sama sekali.

Sebanyak 20 keluarga penerima manfaat telah menerima edaran sumbangan makanan dalam majlis gimik perasmian yang telah dijalankan di Refugee Intellectual Skills & Excellence (RISE), Kajang, Selangor.

KANDUNGAN BERITA

- 1. Pelarian Rohingya Terima Sumbangan 45 Ribu Tin Daging**
- 2. Islamic Relief Malaysia Anjur Qurban Perdana**
- 3. Kem Bestari Tingkat Kefahaman Pelajar**
- 4. Islamic Relief Malaysia dan Mahasiswa Pergigian Universiti Al-Azhar Santuni Pelajar RISE**
- 5. HEY Suntik Semangat Pelajar Asnaf Untuk Berjaya**
- 6. STEM Pupuk Minat Ilmu Sains, Matematik & Kejuruteraan Kepada Orang Asli**
- 7. Islamic Relief Malaysia Berbesar Hati Terima Kunjungan Hormat Delegasi Kementerian dan Wakil PBB**
- 8. Islamic Relief Malaysia Terbuka Jalinkan Kolaborasi Strategik**

Antara wakil komuniti Rohingya yang turut hadir ialah Rohingya Society in Malaysia (RSM), Al-Ikhlas Rohingya School & Rohingya Refugee Center, United Arakan Institute Malaysia (UAIM), Rohingya Community Educare Center (RCEC), Persatuan Jaringan Islam Global Masa Depan (JREC) dan ibu bapa pelajar RISE.

Menerusi edaran ini, para penerima manfaat masing-masing menerima sumbangan lima tin daging seberat lebih dua kilogram.

ISLAMIC RELIEF MALAYSIA ANJUR QURBAN PERDANA

Seramai 300 keluarga dari Kampung Bertam Lama dan Baru, Kampung Dalam Jelekang serta penduduk perumahan penempatan banjir Kampung Jambatan Bengkok, Gua Musang menerima daging korban sempena sambutan Hari Raya Aidiladha.

Program Qurban Perdana 2019 anjuran Islamic Relief Malaysia ini merupakan acara tahunan yang dijalankan bertujuan membantu golongan asnaf selain menjalankan tuntutan ibadat yang disyariatkan sebagai tanda syukur dan cara untuk mendekatkan diri kepada Allah.

Untuk tahun ini, tiga lokasi yang terlibat dalam pelaksanaan program korban Islamic Relief Malaysia iaitu Gua Musang, Kelantan; Ranau, Sabah dan Simunjan, Sarawak manakala penyertaan korban di luar negara dilaksanakan di 33 buah negara lagi.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program ialah menyembelih, mengurus dan mengedarkan daging korban kepada semua penerima manfaat yang telah dikenalpasti oleh jawatankuasa kampung serta perkongsian tazkirah. Dalam pada itu, kakitangan Islamic Relief Malaysia turut menjalankan aktiviti psikososial sebagai inisiatif meraih dan menyantuni anak-anak penerima manfaat.

Islamic Relief Malaysia berharap program Qurban Perdana ini dapat memberi kegembiraan kepada penerima manfaat yang diraih selain menjadi platform merapatkan ukhwah dikalangan kakitangan dan sukarelawan Islamic Relief Malaysia bersama penduduk setempat.



KEM BESTARI TINGKAT KEFAHAMAN PELAJAR



Enam puluh pelajar daripada pelbagai latar belakang mendapat manfaat daripada program Kem Motivasi Bestari yang dianjurkan oleh Yayasan Pelajaran MARA (YPM) dengan kerjasama Islamic Relief Malaysia.

Program selama tiga hari itu bertujuan untuk meningkatkan motivasi dan pengetahuan pelajar berkaitan teknik-teknik menjawab soalan, perkongsian maklumat dan pengalaman pembelajaran dengan menggunakan kemahiran yang diberi, memberi pendedahan berkaitan cara-cara membuat pembahagian masa dalam menjawab soalan serta pendedahan skema menjawab soalan.

Para peserta kem tersebut terdiri daripada pelajar-pelajar UPSR, PT3 dan SPM 2019 dari SK Jalan 4, SK Kajang Utama, SK Seksyen 7, SMK Kajang Utama dan SMK Jalan 3 manakala tenaga pengajar terdiri daripada guru-guru pakar Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang kem adalah bengkel teknik menjawab, taklimat kerjaya dan pengurusan diri serta taklimat persediaan diri dalam menghadapi peperiksaan.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Yayasan Pelajar Malaysia YPM atas kerjasama yang terjalin.

Islamic Relief Malaysia berharap kerjasama ini akan berterusan di masa akan datang agar para pelajar yang dibantu ini dapat mengubah nasib keluarga mereka ke arah yang lebih baik.



ISLAMIC RELIEF MALAYSIA DAN MAHASISWA PERGIGIAN UNIVERSITI AL-AZHAR SANTUNI PELAJAR RISE



Seramai 38 pelajar Refugee Intellectual Skills & Excellence (RISE) berumur dari 6 hingga 16 tahun menyertai program pemeriksaan gigi secara percuma anjuran Islamic Relief Malaysia dengan kerjasama kumpulan mahasiswa tahun akhir jurusan pergigian Universiti Al-Azhar, Mesir dan pihak pengurusan RISE.

Objektif program tersebut dijalankan adalah bagi memberi pemeriksaan kesihatan secara percuma kepada para pelajar disamping meningkatkan kesedaran akan kepentingan penjagaan gigi.



Antara aktiviti yang dijalankan ialah pemeriksaan gigi bersama konsultasi menggunakan alatan yang ditaja oleh Klinik TTDI Grove, demonstrasi cara memberus gigi dengan betul diikuti latihan amali seterusnya taklimat dan penerangan mengenai kepentingan menjaga kebersihan gigi serta kesan mengabaikannya.



Islamic Relief Malaysia berharap pada masa akan datang, ada lebih banyak lagi kumpulan mahasiswa, tenaga pakar atau organisasi lain yang turut serta bersama memperkasa komuniti ke arah mewujudkan dunia prihatin.



RISE merupakan salah satu pusat bimbingan alternatif yang ditubuhkan Islamic Relief Malaysia pada tahun 2017 untuk membantu anak-anak pelarian khususnya pelarian Rohingya mendapat pendidikan asas seperti membaca, menulis dan mengira.

HEY SUNTIK SEMANGAT PELAJAR ASNAG UNTUK BERJAYA

Menyedari kepentingan pendidikan dalam mengupayakan komuniti, Islamic Relief Malaysia mengambil inisiatif dengan mewujudkan program Holistic Education For Youth (HEY) untuk membantu 74 pelajar tahun enam, tingkatan tiga dan lima menduduki peperiksaan UPSR, PT3 dan SPM.

Pendekatan ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi peluang kepada anak-anak asnaf dan fakir miskin meningkatkan tahap penguasaan ilmu pembelajaran selain memberi galakan untuk mereka mengejar kejayaan dan mengubah nasib keluarga.

Rata-rata para pelajar, ibu bapa juga guru-guru yang terlibat memberi respon positif terhadap program ini kerana berjaya memberi impak baik kepada para pelajar dari segi perkembangan pembelajaran juga jati diri.

Selain kelas tambahan, para pelajar juga diberi peluang mengikuti kem motivasi, eksplorasi sains dan kem ibadah.

Selaku penaja, Etiqa General Takaful Berhad dan Yayasan Kebajikan Negara berharap kelas tambahan percuma yang dijalankan di SMK Kajang Utama, SK Kajang Utama dan Flat Jubli Perak, Seksyen 4, Bandar Baru Bangi ini dapat menjadi bukti kepada anak-anak asnaf bahawa keberadaan mereka tidak pernah dipinggirkan sama sekali.



STEM PUPUK MINAT ILMU SAINS, MATEMATIK & KEJURUTERAAN KEPADA ORANG ASLI

Seramai 157 pelajar SK Bukit Tampoi dan komuniti Orang Asli telah menyertai program Pemindahan Ilmu kepada Masyarakat Orang Asli menerusi aktiviti Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) anjuran Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia dengan kerjasama Islamic Relief Malaysia dan SK Bukit Tampoi.

Objektif program dijalankan bertujuan untuk memupuk minat pelajar terhadap ilmu sains, matematik dan kejuruteraan seterusnya menggalakkan para pelajar untuk mendalami ilmu yang dipelajari dalam sesi pembelajaran di sekolah.

Ia juga berfungsi sebagai medium untuk mendekati komuniti Orang Asli dan melihat sendiri pertumbuhan kanak-kanak di SK Bukit Tampoi dari sudut pembelajaran.

Antara aktiviti menarik yang dijalankan bersama pelajar-pelajar SK Bukit Tampoi dan komuniti Orang Asli ialah aktiviti water rocket, giant bubble dan Junior STEM chef, hidroponik serta free market.

Islamic Relief Malaysia berharap agar kerjasama dan program-program yang dijalankan ini dapat diteruskan bagi memanfaatkan komuniti yang terlibat selain dapat meningkatkan semangat anak-anak untuk pergi ke sekolah bagi melonjak pencapaian akademik mereka.



ISLAMIC RELIEF MALAYSIA BERBESAR HATI TERIMA KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI KEMENTERIAN DAN WAKIL PBB



Islamic Relief Malaysia berbesar hati menerima kunjungan hormat daripada delegasi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Pendidikan Malaysia dan wakil Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke Refugee Intellectual Skills & Excellence (RISE) di Kajang, Selangor.

Kunjungan khas itu diadakan bertujuan memenuhi lawatan kerja ke Malaysia yang dijalankan oleh Michelle Bachelet, Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Hak Asasi Manusia bermula 3 hingga 6 Oktober 2019.

Menariknya, ini merupakan kali pertama Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia mengadakan lawatan ke negara ini sekaligus menjadi pengiktirafan kepada usaha-usaha kerajaan untuk meningkatkan hak asasi manusia.

Kehadiran beliau turut diiringi Dato' Saifuddin Abdullah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Datin Sri Norzamani Abdol Hamid, Pengarah Bahagian Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Antara perkara yang dibincangkan oleh Islamic Relief Malaysia bersama pihak delegasi terhormat ialah perancangan masa depan kanak-kanak pelarian Rohingya setelah menamatkan pembelajaran di sekolah ini serta cadangan penambahbaikan latihan kemahiran kepada para pelajar.

Usai sesi perbincangan, para tetamu dibawa melawat ke setiap kelas untuk berinteraksi dan melihat suasana pembelajaran di RISE selain menonjolkan hasil tangan para pelajar dalam melakukan aktiviti seni, tanaman dan jahitan.

Islamic Relief Malaysia berharap semoga kunjungan delegasi ini menjadi titik mula kepada jaringan kolaborasi strategik antara IRM, pihak kementerian dan PBB demi membela nasib anak-anak pelarian di negara ini.



ISLAMIC RELIEF MALAYSIA TERBUKA JALINKAN KOLABORASI STRATEGIK

Islamic Relief Malaysia berbesar hati kerana terpilih menjadi salah satu daripada 16 agensi rakan strategik yang telah menandatangani memorandum kerjasama program Sinergi Sosial hasil inisiatif Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Pendekatan ini diwujudkan bagi menyelaras dan menyeimbangkan setiap bantuan yang diberikan selain memastikan penyaluran bantuan diberikan secara adil kepada yang benar-benar layak sekaligus mengelakkan pertindihan manfaat yang diterima golongan memerlukan.

Sistem jaringan yang disediakan ini juga berupaya untuk memastikan golongan sasaran yang benar-benar memerlukan pertolongan tidak akan tercicir dari senarai mendapat bantuan selain menjadi alat bantuan untuk Islamic Relief Malaysia menyaring maklumat serta mengenalpasti penerima bantuan yang disasarkan menerusi sesbuah projek dan program.

Islamic Relief Malaysia sentiasa terbuka untuk menjalinkan kolaborasi strategik dengan mana-mana pihak seperti ini kerana ia selari dengan visi organisasi untuk mewujudkan dunia prihatin di mana komuniti diupayakan, tanggungjawab sosial dilaksanakan dan masyarakat bersatu meringankan penderitaan golongan memerlukan.

Antara rakan strategik lain yang turut terlibat dalam program ini ialah Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Giat Mara, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Majlis Agama Islam Negeri Perak (MAIPk), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan (PBNS), Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Tekun Nasional, Malaysian Freelancer Association (MAFA), Mental Illness Awareness & Support Association (MIASA), Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Pertubuhan Skuad Pengurusan Jenazah Malaysia (SPJM) dan Muslim Volunteer Malaysia (MVM).



AKTIVITI ISLAMIC RELIEF MALAYSIA

Julai

Ogos

September

Oktober

- 1:** Sesi Perkongsian Kempen Dana Wakaf Air Somalia 2.0 di SMK Bako, Sarawak & UNIMAS
- 9:** Lawatan ke Pejabat Lembaga Penaja Korporat DRB Hicom
- 11:** Kempen Kesedaran Pengurusan Bencana di Kuala Lipis
- 13:** Majlis Penyerahan Kunci Van Kepada PERTIS
- 15:** Lawatan ke Universiti Fatoni, Pattani Thailand & Sesi Pembentangan Projek Rumah Cendawan Lombok dan Projek Sistem Telaga Air Somalia
- 15-19 :** Lawatan ke Lombok Bersama Penaja Korporat DRB Hicom
- 18:** Agihan Bantuan Kebakaran di Sabah
- 19:** Menandatangani MOU bersama UiTM
- 31:** Agihan Daging Qurban Kepada Komuniti Rohingya

- 3 - 4:** Kem Motivasi di SK Pangi, Sabah
- 6:** Sesi Perkongsian Kempen Dana Wakaf Air Somalia 2.0 & Kempen Wakaf Mata Hati di One World Hotel
- 12:** Qurban Perdana di Gua Musang, Kelantan
- 11:** Kem Motivasi Bestari di Hulu Langat
- 15-17:** MySinggah Ramadan
- 25:** Sesi Perkongsian Kempen Qurbani, Booth Pameran dan aktiviti santai di Kompleks Sukan Kuala Selangor

- 8:** Sesi Perkongsian Mengenai Dunia Kemanusiaan, Penjanaan Dana & DWAS 2.0 di Aman Central Mall, Kedah
- 14:** Pemeriksaan Gigi Bersama Pelajar-Pelajar RISE
- 20:** Pameran Booth & Promosi Aktiviti Kesukarelawanan Serta Pendaftaran di Sime Darby
- 21:** Sesi Perkongsian Kempen Dana Wakaf Air Somalia 2.0 di UiTM Dengkil, Selangor
- 23:** Sesi Perkongsian 'My Life As A Volunteer' di UIAM, Gombak

- 12:** Sesi Perkongsian Kempen Dana Wakaf Air Somalia 2.0 di Sek Ren Sri Al Amin, Bangi
- 12-13:** Bengkel Kepimpinan Melalui Kesukarelawanan
- 19:** Program Wash To Donate di Masjid Hasanah, Bangi

PEJABAT MALAYSIA

A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB5 ,Seksyen 9,
Pusat Bandar, 43650, Bandar Baru Bangi, Selangor,
Malaysia

Tel: +603 8926 3434 Fax: +603 8925 3434

IBU PEJABAT [HQ]

19 Rea Street South, Birmingham, B5 6LB, United Kingdom.

Tel: +44 121 605 5555 Fax: +44 121 622 5003

PEJABAT OPERASI:

Afghanistan | Albania | Australia | Bangladesh | Bosnia & Herzegovina | Canada |
Central African Republic | Chad | Chechnya | China | Ethiopia | Germany | India |
Indonesia | Iraq | Italy | Jordan | Kenya | Kosova | Lebanon | Malaysia | Malawi |
Mauritius | Myanmar | Middle East | Nepal | Niger | Pakistan | Palestine | Somalia |
South Africa | South Sudan | Sri Lanka | Sudan | Sweden | Switzerland | Syria |
The Philippines | Tunisia | United Kingdom | USA | Yemen

Sponsorship/Donation can be made through:-

| | | |
|---|--|---|
| MAYBANK ISLAMIC 5621 4270 8704 | BANK ISLAM 12 029 01 006564 3 | AFFIN ISLAMIC 10 671 000278 4 |
| CIMB ISLAMIC 8602073818 | BANK RAKYAT 11080 10000 35 | CHARITY SHOPPE Cash/Cheque/Credit Card |
| MBSB BANK 1005 0251 0000 0166 | | |



ISLAMIC RELIEF MALAYSIA
A-05-1, Paragon Point,
Jalan Medan PB5,
Seksyen 9, Pusat Bandar,
43650 Bandar Baru Bangi,

WEBSITE: www.islamic-relief.org.my **Facebook:** IslamicReliefMalaysia